

Mata pelajaran : **Geografi**
Tingkatan : **2**
Tema : **Petempatan dan Perkembangan (Tema 5)**
Tajuk : **Pola petempatan**

Soalan kurikulum

Soalan Penting : Setiap manusia memerlukan petempatan untuk hidup. Apakah bentuk petempatan yang ideal pada pendapat anda?

Soalan Unit :

1. Mengapa wujud pelbagai jenis pola petempatan?
2. Apakah jenis pola petempatan yang biasa anda lihat?

Soalan Kandungan :

1. Apakah pola petempatan ditempat tinggal anda?
2. Senaraikan ciri-ciri petempatan?
3. Nyatakan tiga perbezaan pola petempatan berjajar dan berselerak?

Objektif pembelajaran

Pada akhir projek, pelajar dapat :

1. Mempersiapkan projek dalam bentuk laporan lisan dan bertulis.
2. Mempersiapkan projek dalam bentuk power point dan model.
3. Menyiapkan mempamerkan dan mengedarkan brosur projek.

Ringkasan pelajaran

Pola petempatan berkembang secara semulajadi membabitkan susun atur rumah dan bangunan disuatu petempatan. Ia dipengaruhi oleh beberapa faktor yang membawa kepada wujudnya persamaan dan perbezaan diantara pola-pola petempatan tersebut. Pola petempatan yang paling umum di Malaysia ialah pola berpusat, berselerak, berjajar dan berkelompok.

Prosedur

Pra – projek

1. Guru memilih pelajar dalam kumpulan (4 hingga 5 Orang)
2. Guru membincangkan dan memberi tajuk projek.
3. Guru menjelaskan tentang jadual dan keadah pelaksanaan projek
4. Pelajar membincangkan soalan penting (Essential Question).

Minggu 1

1. Perbincangan pembahagian tugas mengikut kemahiran dan minat pelajar.

2. Pelajar mendapatkan maklumat berkaitan melalui buku teks, internet, majalah, arkib negara dan lain-lain.
3. Pelajar melakukan kajian lapangan dan temubual untuk tapak yang telah dikenalpasti.
4. Mengumpul dan membincangkan matlumat yang diperolehi.
5. Guru dan pelajar mengenalpasti cara persembahan projek yang sesuai.
6. Rubrik penilaian

Minggu 2

1. Pelajar berbincang dengan guru mengenai kaedah dan pemsasaan persembahan.
2. Kumpulan pelajar menyediakan persembahan multimedia dan brosur.
3. pelajar dengan bantuan guru menyediakan model-model susunatur kawasan dengan pola-pola petempatan tertentu yang telah dikenalpasti.
4. Berbincang dengan guru untuk memperbaiki hasil projek

Minggu 3

1. Kumpulan pelajar mempersembahkan projek mereka dihadapan khalayak yang dipilih.
2. Guru/audien akan membuat ulasan terhadap pembentangan yang dilakukan
3. Penilaian dan perbincangan bedahsiasat hasil projek antara pelajar dan guru..
4. Rubrik penilaian untuk pembentangan.

Jangka masa yang diperlukan

3 minggu

Pengetahuan/ kemahiran sedia ada

1. pengetahuan sedia ada
2. pengetahuan am tentang petempatan
3. kemahiran mengakses internet yang perlu ada pada pelajar sebelum memulakan pelajaran.

Bahan bantu belajar / sumber pembelajaran

1. Teknologi – peralatan (cth- kamera, Komputer Riba,)
2. Teknologi – Perisian (cth Ms Power Point, Ms Word, pemproses imej, pangkalan data, E-mel)
3. Bahan bercetak – buku teks, jurnal, majalah, buku perpustakaan dan lain-lain
4. Sumber internet – laman web (Google Earth, wikipedia dan lain-lain)
5. lain-lain – mounting board, plastisin, polistrin

Pentaksiran

contoh: Rubrik brosur (penilaian guru terhadap pelajar)